

AZLINDA SHAZNEEM BINTI MD SHUAIB MOHD ZULKIFLI BIN MUHAMMAD

Seramai 50 peserta yang terdiri dari ahli akademik, para pelajar dan juga komuniti telah menyertai *International Seminar On Entrepreneurship And Psychology 2022* yang diadakan secara atas talian melalui platform Zoom dan juga FB Live UMK Official pada 6 Julai 2022. Seminar yang dianjurkan oleh bahagian Pascasiswazah dan Penyelidikan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dengan Kerjasama Nottingham Trent Universiti (NTU), United Kingdom ini bertujuan untuk berkongsi ilmu berkenaan psikologi dalam bidang keusahawanan yang disampaikan oleh para penyelidik daripada kedua-dua universiti berkenaan. Semiar ini telah berjaya dalam menambahkan ilmu di kalangan staf UMK secara amnya dan para pensyarah UMK secara khasnya akan kepentingan psikologi dalam bidang keusahawanan sejajar dengan falsafah penubuhan UMK sebagai Universiti Keusahawanan. Selain itu, para pelajar khususnya pelajar mod penyelidikan dapat menimba ilmu tentang psikologi keusahawanan dan dapat menggunakan input daripada seminar ini ke dalam penulisan tesis dan juga artikel. Turut serta dalam seminar ialah usahawan dan masyarakat luar di mana mereka dapat mempelajari ilmu berguna daripada para pakar penyelidik psikologi dan keusahawanan.

